

TARIKH : 2 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Perbelanjaan berhemat elak cukai baharu

Perbelanjaan berhemat elak cukai baharu

Langkah bantu kerajaan dari segi keperluan kutipan hasil

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Perbelanjaan berhemat membolehkan tiada keperluan bagi kerajaan untuk melaksanakan cukai baharu atau meninjau kepada pelaksanaan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dalam tempoh 12 hingga 15 bulan ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kerajaan masih mempunyai ruang untuk mengawal perbelanjaan terutama pembangunan supaya lebih berhemat dan lebih tepat dengan perancangan, malah perbelanjaan yang berhemat juga akan membantu dari segi keperluan kutipan hasil.

Jelasnya, dengan mengawal pelaksanaan projek pembangunan dengan baik dan memastikan projek yang diluluskan dilaksanakan

Rafizi ketika menyampaikan ucapan tama di 'HSBC Asian Business Forum' di Kuala Lumpur, semalam.



mengikut peruntukan yang ditetapkan tanpa kenaikan kos dari satu tahun ke satu tahun, sudah pasti keperluan untuk berbelanja menjadi kurang.

"Dengan kedudukan defisit perbelanjaan ketika ini, maksudnya setiap projek pembangunan yang dibuat oleh kerajaan itu perlu dibayar dengan hutang. Jadi, kalau kurang kenaikan kos, projek berjalan baik dan tiada kelewatan dan sebagainya, maka kurangnya keperluan peruntukan.

"Apabila keperluan peruntukan itu berkurang, maka kurang berhutang. Apabila kurang berhutang maka kurang bayar hutang," ka-

tanya pada pemberita selepas menyampaikan ucapan tama di 'HSBC Asian Business Forum' di Kuala Lumpur, semalam.

Tidak pertimbangkan GST

Sementara itu, Rafizi berkata peralihan kepada GST adalah sesuai ketika majoriti pendapatan rakyat lebih baik dan mencapai paras pendapatan wajar untuk membayar cukai pendapatan.

Beliau berkata, GST yang dilaksanakan secara terburu-buru akan menjejaskan mereka yang belum mencapai paras gaji lebih baik dan secara tidak langsung mereka perlu membayar cukai dengan GST.